

UNESCO tarik balik anugerah kepada Permata, lapor NYT
Astro Awani
Sept 19, 2016

KUALA LUMPUR: Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNESCO) pada saat akhir membatalkan anugerah yang dirancang diberikan kepada program Pusat Anak Permata Negara (Permata).

Ini menurut laporan *New York Times* pada Isnin, yang tidak menyatakan sebab-sebab penarikan anugerah itu oleh pertubuhan berkenaan.

Pihak UNESCO juga tidak memberikan butiran lanjut tentang pembatalan pemberian anugerah itu.

Kenyataan mengenai pembatalan pemberian anugerah tersebut dikeluarkan oleh Tudor Parfitt, seorang sarjana yang terlibat dalam acara berkenaan.

Sebelum ini pada Sabtu, [Bernama melaporkan](#) isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor dipilih untuk menerima anugerah 'Lead by Example' oleh UNESCO.

Anugerah itu sepatutnya diberikan atas usaha membangunkan potensi kanak-kanak khususnya di bawah program Permata.

Perkara itu, lapor *Bernama*, dimaklumkan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan merangkap Naib Presiden Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia, Datuk Seri Alias Ahmad dalam satu kenyataan.

Anugerah sempena Perhimpunan Agung Ke-71 Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) itu, julung-julung kali diadakan bagi mengiktiraf dan meraikan sumbangan beberapa individu di seluruh dunia yang telah menyumbang kepada keharmonian dan keamanan manusia sejagat.

Ia dijadualkan akan disampaikan di majlis penghormatan kepada wira dalam kempen global menentang keganasan pada 22 September ini, di Muzium Kesenian Metropolitan, New York.

Majlis berkenaan bakal diacarakan bersama oleh Ketua Pengarah UNESCO, Irina Bokova.

Segala tindakan Bokova sedang dipantau dengan teliti memandangkan beliau bakal mengisi jawatan Setiausaha Agung PBB.

Tag: [Rosmah Mansor](#), [PERMATA](#), [UNESCO](#)

© 2016 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/unesco-tarik-balik-anugerah-kepada-permata-lapor-nyt-117110>